

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

RPW 551 - Undang-Undang Perancangan

Tarikh: 7 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan.

1. a) Bagaimakah Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 dapat menjamin penyertaan awam yang secukupnya di dalam proses perancangan di Semenanjung Malaysia?

b) Bandingkan bagaimana orang ramai dapat mengambil bahagian di dalam proses penyediaan rancangan-rancangan di bawah Akta Perancang Bandar Dan Desa dan Enakmen Lembaga Bandaran.

(50 markah)

2. Takrif dan terangkan dengan ringkas tentang LIMA daripada yang berikut:

(Semua diperuntukkan markah yang sama banyak).

a) Perubahan matan tentang penggunaan sesuatu bangunan (material change in the use of a building).

b) Kerja bangunan (building operation).

c) Bayaran pemajuan (development charge).

d) Notis beli (purchase notice)

e) Kawasan kemajuan (development area).

f) Sekim bagi bangunan (scheme for building).

. . . 2/-

g) Garis aturan jalan (regular line of street).

h) Syarat tersirat (implied condition).

(50 markah)

3. Huraikan prosedur-prosedur yang disebut dalam Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976, untuk:

- a) Permohonan untuk kebenaran merancang oleh seorang pemaju.
- b) Layanan oleh pihak berkuasa perancang tempatan mengenai permohonan-permohonan untuk kebenaran merancang.
- c) Rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan terhadap permohonan untuk kebenaran merancang.

(50 markah)

4. a) Apakah yang dimaksudkan dengan "pecah-sempadan tanah"?

b) Siapakah yang memberi kelulusan pecah-sempadan tanah?

c) Senaraikan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum pecah-sempadan boleh diluluskan.

d) Huraikan langkah-langkah di dalam permohonan untuk pecah-sempadan tanah.

(50 markah)